



PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE
Aras 5, Kompleks Mahkamah Syariah Perak
Jalan Taman Pari, Off Jalan Tun Abdul Razak
30020 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

: 05-5018400
: 05-5018522 (fax)
: 05-5018401 (T)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSPk 100-5/1 (35)
Tarikh : 29 Oktober 2007
Takwim : 17 Syawal 1428

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No.5 Tahun 2007

Dokumen Yang Perlu Ada bagi Kes Pengesahan Perkahwinan Selain Berpoligami

Saya ingin menarik perhatian Y.A./Tuan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Undang-undang, Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 26 hingga 28 Oktober 2007 di Bukit Merah Laketown Hotel, Perak Darul Ridzuan telah bersetuju bagi kes Pengesahan Pernikahan ditukar tajuk kepada **Pengesahan Perkahwinan** dan dokumen yang perlu ada bagi permohonan ini selain daripada berpoligami adalah seperti berikut;

- a. Permohonan.
- b. Afidavit Pemohon.
- c. Apa-apa afidavit Tambahan yang berkaitan.
- d. Salinan Kad Pengenalan.
- e. Salinan sijil nikah yang hendak disahkan.
- f. Salinan Pengesahan pemastautin atau bermukim.
- g. Salinan surat Perakuan Nikah/Cerai/Rujuk/Mati.
- h. Kebenaran Pegawai Pemerintah bagi anggota Angkatan Tentera Malaysia.

- i. Apa-apa bukti sama ada kertas pertuduhan daripada Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam yang berkenaan atau sabitan atau hukuman atau bukti bayaran denda daripada mana-mana Mahkamah Syariah berkenaan di bawah seksyen 42 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992.
- j. Salinan pasport atau pas sempadan (sekiranya ada).
- k. Pengesahan wali (sekiranya ada).
- l. Lain-lain dokumen sokongan (sekiranya perlu dan berkaitan).

Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Disember 2007.



(Dato' Hj. Abdul Aziz bin Mohd Yusof)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN